

Volume II
No. 45



Tuesday
21st December, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**SECOND SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ADJOURNMENT (Motion) [Col. 6413]

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1966:

Head 124 [Col. 6414]

Head 125 [Col. 6426]

Heads 126 to 131 [6458]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Tuesday, 21st December, 1965

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health, ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister, ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).

- The Honourable Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MUHAMMAD BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

- The Honourable Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).

- The Honourable DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johore Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENKUN MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).

The Honourable DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ ENCHE' KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

The Development Estimates, 1966
considered in Committee.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

ADJOURNMENT

(MOTION)

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1) the House at its rising at 1 p.m. today shall stand adjourned till the next sitting day.

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved:

That notwithstanding the provisions of Standing Order 12 (1) the House at its rising at 1 p.m. today shall stand adjourned till the next sitting day.

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1966

Order read for resumption of consideration of the Development Estimates, 1966, in a Committee of the whole House (20th December, 1965).

House immediately resolved itself into Committee.

Head 124—

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya menhadangkan supaya wang sebanyak \$1,961,079 yang di-tunjokkan di-bawah Kepala 124—Kebajikan Masyarakat—di-luluskan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menarek perhatian Ahli² Dewan kapada Anggaran Perbelanjaan yang di-bentangkan.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 1—Perkhidmatan Bagi Orang² Chachat. Ahli² Yang Berhormat tentu-lah bersetuju ia-itu tiap² sa-orang ra'ayat mempunyai hak untuk mendapatkan satu taraf hidup yang menchukupi bagi memelihara kesihatan dan kesentosaan diri dan keluarga-nya. Hak untuk mendapatkan jaminan kehidupan yang sempurna bagi orang² chachat tidak-lah berkurang daripada yang di-beri kapada orang² yang tidak chachat supaya dapat-lah mereka menerima perkhidmatan² yang tertentu bagi

memajukan satu kehidupan yang sempurna, berfaedah dan bermahana. Berbagai jenis perkhidmatan bagi orang² chachat, sama ada di-selenggarakan oleh Kerajaan atau pun oleh badan² sukarela, telah sedia ada sunggoh pun perkhidmatan² ini perlu di-perluaskan supaya ramai lagi dapat menggunakan-nya.

Rumah Orang² Tua Selangor, di-bawah Butiran (i) dan Pusat Pemulehan Orang² Chachat, di-bawah Butiran (iii), sa-benar-nya ada-lah projek² yang bersambongan dan oleh itu peruntokan sa-banyak \$3,091 dan \$47,974 yang di-pinta di-bawah Butiran² ini berasingan ia-lah untuk menunaikan sharat² perjanjian.

Berkenaan dengan Butiran (ii)—Rumah Orang² Tua Johor Bahru, pelaksanaan Undang² Kuturayau memerlukan pembenaan sa-buah lagi yaysaan dan peruntokan sa-banyak \$300,000 ada-lah di-pinta untuk maksud ini dalam tahun 1966. Tanah untuk tapak bangunan ini telah di-dapati dan pelan bangunan tersebut telah di-sediakan; oleh itu pembenaan Rumah ini akan dapat di-mulakan dalam tahun 1966.

Berkenaan dengan Butiran (iv)—Rumah Orang² Sakit Terok Pulau Pinang—Rumah² khas sedang di-bena untuk orang² yang sakit terok yang sekarang menggunakan katil² rumah sakit yang sangat di-perlukan dan dengan jalan itu akan melegakan keadaan penoh sesak yang di-dapati di-rumah² sakit. Orang² yang sakit terok tidak perlukan rawatan perubatan yang banyak, tetapi oleh kerana kebanyakan mereka miskin dan tidak berumah tangga, pehak yang berkuasa rumah² sakit tidak dapat mengeluarkan mereka dan yang demikian mengganggu kemasokan orang² sakit yang ada harapan sembuh jika di-rawati. Orang² sakit terok lebeh baik di-rawat di-Rumah² yang di-bena khas mengikut keperluan mereka di-mana perubatan yang tertentu dapat di-sambong, dan sambil itu mengurangkan keadaan penoh sesak dalam rumah² sakit. Ada-lah di-chadangkan supaya dua buah Rumah yang sa-umpama ini di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Pertama; sa-buah daripada-

nya akan di-mulakan di-bena dalam tahun 1966, dan peruntokan sa-banyak \$100,000 ada-lah di-kehendaki.

Berhubung dengan perkhidmatan² bagi pemulehan budak² yang bersalah, peruntokan sa-banyak \$200,000 ada-lah di-kehendaki di-bawah Pechahan-kepala 2 (i) untuk membena sa-buah Sekolah Akhlak bagi budak² bersalah yang datang daripada kawasan² luar bandar. Sekolah² Akhlak yang ada sekarang bagi budak² laki² mempunyai kemudahan² latehan yang sesuai untuk pekerjaan dalam bandar. Budak² yang datang daripada kawasan² luar bandar sa-benar-nya sekarang menerima latehan dalam suasana yang di-anggap tidak sesuai dengan keperluan mereka. Oleh yang demikian, ada-lah di-dapati susah hendak menempatkan sa-mula budak² ini di-kampung² mereka setelah tamat latehan, dan oleh sebab itu, harapan mendapatkan kejayaan dalam pemulehan mereka ada-lah terganggu. Sekolah Akhlak yang akan di-bena di-Pahang itu bertujuan mengadakan kemudahan² latehan, sesuai dengan keperluan budak² yang datang daripada kawasan² luar bandar.

Peruntokan sa-banyak \$110,000 yang di-kehendaki di-bawah Butiran (ii), ia-lah untuk menyudahkan pembenaan sa-buah Rumah Tahanan dan Asrama yang sedang di-dirikan di-Pulau Pinang dan di-jangka akan siap dalam tahun 1966.

Berhubung dengan Butiran (iii), ada-lah di-chadangkan hendak membena sa-buah Rumah Tahanan dan Asrama bagi budak² yang bersalah untuk menggantikan bangunan yang ada sekarang di-Kuala Trengganu. Rumah yang ada itu ada-lah berupa sa-buah rumah Melayu terletak di-atas sa-keping tanah yang sempit sa-luas 0.38 ekar di-tengah² bandar Kuala Trengganu dan tidak sesuai sama sa-kali untuk maksud sa-buah Rumah Tahanan dan Asrama. Tanah untuk projek ini telah sedia ada, dan oleh itu peruntokan sa-banyak \$150,000 ada-lah di-kehendaki untuk memulakan pekerjaan dalam tahun 1966.

Peruntokan di-bawah Pechahan-kepala 3 (i) sa-banyak \$5,004 dan Pechahan-kepala 3 (ii) sa-banyak \$294,000 ada-lah di-kehendaki untuk

menyudahkan pembenaan Rumah Perlindungan Perempuan² dan Gadis² di-Kuala Lumpur dan di-Kuala Trengganu dalam tahun 1966.

Di-bawah Pechahan-kepala 4—Rumah Bagi Kanak², sa-buah Rumah Kanak² ada-lah di-chadangkan bagi negeri Pulau Pinang untuk kanak² yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Kementerian saya ada mempunyai 8 buah Rumah Kanak² di-beberapa tempat di-Tanah Melayu, tetapi sa-buah lagi ada-lah di-kehendaki untuk Pulau Pinang yang mana berkehendakkan peruntukan sa-banyak \$100,000 supaya pembenaan-nya dapat di-mulakan dalam tahun 1966.

Di-bawah Pechahan-kepala 5, peruntukan sa-banyak \$100,000 ada-lah di-pinta untuk mendirikan sa-buah Pusat Latehan Berasrama. Perintah-nya Latehan Dalam Perkhidmatan bagi beberapa peringkat kaki-tangan yang bekerja dengan Kementerian ini telah lama di-akui semenjak tertubuh-nya Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian saya memang-nya pun telah lama mengadakan ranchangan Latehan Dalam Perkhidmatan bagi kaki-tangan²-nya dengan nasihat dan panduan pakar² daripada Ranchangan Colombo dan Pertubuhan Bangsa² Bersatu. Tetapi latehan² yang di-beri ada-lah di-jalankan di-bangunan² pinjaman yang tidak berasrama dan di-dapati mahal dan tidak sesuai. Oleh itu, peruntukan ini ada-lah di-kehendaki supaya pembenaan Pusat Latehan itu dapat di-mulakan pada awal tahun 1966.

Peruntukan sa-banyak \$400,000 ada-lah di-kehendaki di-bawah Pechahan-kepala 6 untuk membena rumah² kediaman kaki-tangan dan juga untuk membaiki yayasan² yang ada sekarang. Ada-lah terwajib bagi yayasan² yang sa-umpama ini menyediakan rumah² kediaman untuk kaki-tangan²-nya supaya pegawai² ini sentiasa berada di-tempat itu bila² di-kehendaki. Tambahan pula, berikut dengan pelaksanaan Undang² Kuturayau, sa-tengah daripada yayasan² yang ada itu perlu diperbesar dan di-perluaskan lagi untuk maksud² Undang² tersebut. Pembenaan rumah² kediaman pegawai², memper-

baiki dan meluaskan lagi bangunan² yang ada mesti-lah di-jalankan jika sa-kira-nya perkhidmatan² yang ada tidak di-ingini terganggu, dan oleh itu ada-lah di-chadangkan supaya kerja² pembenaan-nya di-jalankan mengikut susunan yang terator di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Berpaling pula kepada Pechahan-kepala 21, Negeri Sabah, peruntukan sa-banyak \$70,000 ada-lah di-perlukan untuk memberi hutang kepada Kerajaan Negeri Sabah di-bawah Tabong Khairat Kemiskinan (Pauper Fund) kerana membena sa-buah Rumah Orang² Tua. Tanah untuk tapak bangunan ini telah pun di-beli dan pembenaan Rumah ini akan di-mulakan pada awal tahun 1966.

Berhubung dengan Pechahan-kepala 22, peruntukan isharat sa-banyak \$10 ada-lah di-pinta dalam tahun 1966 untuk mengadakan perkhidmatan² pemulehan bagi budak² yang bersalah. Pada masa ini, perkhidmatan² ini tidak ada langsung di-Sabah dan oleh yang demikian ada-lah di-chadangkan untuk memulakan perkhidmatan² pemulehan di-Sabah di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Peruntukan bagi Perkhidmatan Akhlak telah pun dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan biasa bagi tahun 1966 dan sekarang ada-lah perlu bagi Kementerian saya mengadakan perkhidmatan² yayasan sa-bagai penambahan kepada perkhidmatan akhlak. Perkhidmatan ini perlu di-ranchangkan terlebih dahulu sa-belum yayasan² yang berkaitan di-bena.

Berpaling pula saya kepada Pechahan-kepala 31—Negeri Sarawak, peruntukan sa-banyak \$70,000 ada-lah di-pinta untuk memberi bantuan terus kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi pembenaan sa-buah Rumah Orang² Tua di-Kuching. Kesemua-nya, Kerajaan Pusat berchadang memberi sa-banyak \$400,000 bagi pengembangan perkhidmatan² kebajikan di-Sarawak. Pechahan²-kepala 34 dan 35 ada-lah untuk memenohi tanggung-jawab Kerajaan Pusat dan jumlah peruntukan sa-banyak \$80,000 ada-lah di-kehendaki bagi mendirikan yayasan² akhlak

untuk pemulehan budak² yang ber-salah. Jumlah perbelanjaan untuk projek² ini ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$300,000.

Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya mengemukakan chadangan ini.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya menyokong Yang Berhormat Menteri ini, kerana meminta belanja sa-banyak \$1,961,079. Hanya saya hendak mena-rek perhatian Yang Berhormat Menteri ini di-bawah Head 124, Sub-head 1 (iv) Home for Chronically Ill, Penang. Saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri—saya hendak beri pandangan dalam kawasan saya sahaja. Dalam hospital di-kawasan saya, ba-nyak sangat orang yang tua² duduk di-hospital lebeh daripada 20 tahun yang saya jangkakan mereka itu hanya menanti maut sahaja. Jadi, ini telah menyebabkan kesulitan kapada pentad-biran di-Hospital itu, kerana sentiasa ta' chukup tempat hendak menempa-kan orang² sakit. Jadi, satu sahaja yang saya rasa kesulitan yang saya dapat di-situ dan saya dengar kebanyakan daripada mereka ini ada-lah berketu-run China.

Apabila di-tanya, ada-kah mereka itu berwarith, atau pun "seh seh" yang duduk di-situ, mereka kata tidak ada. Jadi, di-dapati mereka sakalian ini miskin tidak ada berharta dan tidak ada berumah tangga. Jadi, ini-lah sebab-nya, barangkali harus daripada mereka ini ta' ada siapa yang hendak mengaku saudara. Jadi ta' ada tempat mereka itu dapat layanan, atau pun mereka yang menjaga, dia kata mereka² tidak ada bersaudara, ta' ada beranak, ta' ada bagitu bagini dan hospital-lah tempat mereka itu duduk dan mengata-kan mereka itu sakit, dan bukan di-dalam hospital sahaja yang saya dapati di-mana² kampong² baharu, ada-lah orang yang tidak ada saudara mara ini duduk di-merata cherok, atau pun dengan berumah yang di-katakan dengan keadaan pisang sa-sikat sahaja. Oleh sebab kemiskinan, mereka ini tidak ada siapa yang hendak melayan-nya sa-belum mereka sampai hayat-nya.

Jadi, saya harap Kementerian ini, orang² yang sa-macam ini, bukan ter-

tentu kapada kawasan saya sahaja, bahkan di-mana² kalau ada orang² tua yang ta' ada siapa hendak mengaku saudara mara dengan mereka itu di-harap ambil-lah mereka ini dan di-letakkan di-rumah yang di-chadangkan di-Pulau Pinang itu dan juga saya dapat tahu ada chadangan hendak di-buat di-Selangor ini, sebab saya sa-bagai Wakil Ra'ayat bila orang tua² ini datang ka-rumah meminta bantuan itu, meminta bantuan ini, saya pun kasehan juga, terpaksa-lah kalau ta' ada duit, beri-lah beras satu chupak dua, atau satu pot-kah, dua pot-kah, atau pun duit-kah sa-puluh sen atau lima belas sen. Jadi, ini merunsingkan kepala, sebab sa-bagai Wakil Ra'ayat banyak juga tanggungan yang lain. Jadi, saya harap Kerajaan ambil-lah perhatian berat di-atas pandangan saya ini.

Yang kedua-nya

Mr Chairman: Saya suka mengingat-kan Ahli Yang Berhormat ia-itu masa yang di-berikan, yang di-untokkan ka-pada Kementerian² ini sangat sedikit dan Kementerian ini hanya di-untok-kan 30 minit sahaja. Jadi, saya minta-lah Ahli² yang hendak berchakap itu, biar-lah tepat kapada kehendak-nya dan beri peluang satu dua orang lagi yang hendak berchakap.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan: Jadi, Tuan Pengerusi, hanya dua minit lagi.

Di-bawah Pechahan-kepala 2—Services for the Juvenile Delinquents: (i) Approved School, Pahang. Saya ber-terima kaseh kapada Kementerian ini, kerana mengadakan Approved School dalam Pahang ini, tetapi jangan-lah pula jadi ucapan sa-malam, orang yang hendak keluar daripada sekolah itu menangis, kerana sedih sangat, atau pun layanan dalam sekolah itu ter-lampau lebeh, ta' di-dapati oleh mereka itu di-luar. Jadi, Approved School, Pahang, ini saya harap budak² yang di-hantar itu kelak, jangan pula mereka itu menangis ta' hendak balek ka-kampong. Jadi, chari-lah jalan lain supaya mereka itu apabila sudah di-beri latehan, sudah di-beri pertunjuk untok kebaikan mereka kemudian hari kelak, kita harap dapat Kerajaan juga

mencharikan kerja yang berpatutan untuk kehidupan mereka. Sekian-lah, terima kasih.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit sahaja, ia-itu Kepala 124 berkenaan dengan Rumah Orang Tua² di-Johor Bahru. Saya harap Rumah Orang Tua² ini bukan sahaja di-Johor Bahru, bahkan di-negeri² yang lain pun patut di-buat yang sa-macham itu.

Yang kedua, Sub-head 3—Protection of Women and Girls. Saya tengok disini hanya Kuala Lumpur, Trengganu dan Perak sahaja yang ada. Saya harap di-mana² negeri pun patut di-buat rumah yang sa-macham ini, supaya dapat menjaga orang² perempuan yang telah salah jalan. Terima kasih.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya hendak berchakap rengkas sahaja, ia-itu berkenaan dengan Rumah² bagi orang miskin ini. Pandangan saya, saya hendak comment ia-lah saya dapati rumah² itu mengutamakan beauty lebih daripada utility, pada hal, Tuan Pengerusi, dalam chara kita hendak membelanjakan wang ra'ayat terutama dalam kita hendak memberi welfare kepada orang² yang susah itu, memadaï-lah dengan rumah², dengan bentok² yang mustahak, tidak-lah sa-bagaimana di-Kuala Kangsar itu dekat² hendak sama dengan Istana Bukit Chandan punya baik. Jadi, saya terpaksa-lah kena condemn Kerajaan di-ketika Kerajaan mengutamakan beauty daripada utility.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya boleh juga, kalau hendak di-katakan saya bermimpi pun, tetapi saya menchadangkan kepada Kerajaan bahawa untuk menjaga orang² susah yang kita nampak selalu di-dalam pekan, sa-kali pun negeri kita *per capita* income-nya naik sampai \$900 hendak sampai \$1,500 tetapi berkeliaran di-situ, tidak ada jalan lain, melainkan mengadakan apa yang di-namakan social insurance. Saya tidak hendak bersharah dalam perkara itu, tetapi saya memberikan kepada Menteri wording itu, atau huruf itu—social insurance—dan per-

kara ini boleh kita lakukan, kalau kita mengadakan Social Security Act bagi negara kita ini. Dan ini tidak di-buat-nya kerana tidak ada comprehensive polisi bagi social security dalam negara ini.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Saya chuma hendak menyentuh dalam Head 124, Sub-head 3—Pemulehan Gadis² dan Wanita. Saya sangat tertarik hati di-atas ranchangan yang di-buat oleh Kementerian ini berhubung dengan memulehkan akhlak² wanita dan gadis² kita. Chuma satu perkara saya hendak menarek perhatian supaya sa-lepas di-pulehkan akhlak kedua² golongan ini dapat-lah Kementerian ini berhubung dengan suami mereka itu atau bekas² suami mereka itu atau keluarga mereka itu supaya dapat di-ambil balek wanita² dan gadis ini, dapat dia membuat penghidupan baharu.

Kedua-nya, berhubung dengan klang² dan perusahaan yang mana menghendaki tenaga² daripada wanita² supaya dapat-lah manusia ini membuat penghidupan baharu dan membaiki akhlak-nya sa-telah lepas daripada rumah pemulehan yang di-buat oleh Kementerian ini. Itu sahaja, terima kasih.

Enche' Lim Kean Siew (Dato Kramat): Mr Chairman, Sir, we have year after year been given development estimates for new Homes and repairs of Homes, but what we want to listen to is a new policy. This is just a kind of charity which the Government has indulged in, and which has gone on, I think from 1948—since the British era. The biggest hypocrisy of all is the attempt to protect women and children under Sub-head 3, items (i), (ii) and (iii)—Women and Girl's Protection Homes in Kuala Lumpur, Kuala Trengganu and Perak. How can we rehabilitate women in these Homes when the Government is encouraging massage parlours and conniving the indulgence of sexual activity in hotels? We all know that the basis of all this is poverty in the rural areas. A lot of rural girls are moving into the urban areas, working in the massage parlours

and entertaining people—and they are especially plentiful in Kuala Lumpur; and as much as we can rehabilitate one or two people we create about 100 or 200 more each time. It was shocking to hear a member of an African delegation, who came here the other day to look at our Labour organization, saying, “We find your massage parlours the best of all in Malaya”. So, it is just pure hypocrisy our thinking of spending about \$600,000 to rehabilitate our women and children, when in fact morality to-day is largely based on the difference between the rich indulgent people in the urban areas and the poor people in the rural areas. I am sorry I cannot expand on this more as I have been told to curtail my speech for shortage of time.

Sir, with regard to the various Services for the Old Persons' Homes and Juvenile Delinquents, we know that the Juvenile Delinquents' Home in the Waterfall Gardens in Penang was destroyed some four years ago, and up till to-day nothing has been done to rebuild that Home. It was abandoned and the boys taken somewhere else. We find here attempts to build Homes for the chronically ill and to develop Old Persons Homes, but I do not find in the estimates any attempt whatsoever to co-ordinate services for the poor people, the old people and the handicapped people, and no attempt to link the voluntary work done by voluntary organisations with the Ministry.

For example, the Ramakrishna Mission has a Home for orphan children; we have a Boys' Home run by the Salvation Army at Jelutong; we have the Lam Hua Ee Hospital for the chronically ill, which has been closed down; we have another home controlled by both the City Council and the State Government in Jelutong, which, I think, is called the Queen's Home; we also have the Po Leung Cheok, which is mostly Government to-day; and we also have the School for the Deaf and Blind. But none of these has any committee whatsoever consisting of representatives from all these institutions who will be able to make joint demands to the Government.

Although the Boys' Home of the Salvation Army has approached the City Council of Penang to have a workshop to train their orphan children, although the Ramakrishna Mission has very poor food and recreational facilities, although St. Nicholas Home needs to have people to take the children out for picnics or enjoyment during the weekends, and although the Schools for the Deaf and Dumb needs more workshop facilities, yet no attempt until today has been made to bring about co-ordination. I hope the Government will be able to set up a centralised committee, in order to have centralised workshops and centralised recreational facilities, and to co-ordinate all services of this type of welfare work that is being provided by private institutions and the Department of Social Welfare.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah menyokong permohonan saya untuk mendapatkan wang ini dan juga kepada mereka yang telah memberikan pandangan² yang membena. Saya suka hendak menjawab perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat daripada Raub telah menyatakan beliau sukachita mendapat tahu sa-buah rumah akan di-bena di-Pahang, dan telah membangkitkan berkenaan dengan hal rumah orang² tua dan sa-bagai-nya, dan saya suka-lah memberitahu ia-itu memang-lah Kerajaan dengan tujuan dan maksud untuk menolong dan menampung orang² tua yang ada di-merata tempat ini, membena bukan sahaja rumah orang² tua untuk mengambil orang² ini dan menempatkan mereka akan tetapi bagi orang² tua yang dudok sekarang ini ada ditempatkan di-hospital dan sa-bagai-nya supaya di-benakan sa-buah rumah bagi orang² yang mengidap penyakit yang tidak ada harapan untuk puleh sa-mula. Tempat² dan rumah² yang sa-umpama ini sungguh pun di-bena di-satu² tempat akan tetapi bukan-lah khas bagi tempat² itu akan tetapi orang² daripada

tempat lain pun boleh di-letakkan di-tempat² mana yang ada kosong di-Tanah Melayu ini.

Berkenaan dengan anak²—budak² yang di-letakkan di-tempat² pemulehan akhlak, mereka itu memang di-beri pelajaran² dan latehan² supaya apabila mereka ini keluar daripada rumah² ini dapat-lah mereka menjadi anak² yang berguna. Sa-lain daripada itu Kementerian Kebajikan ada-lah memerhati dan mengikuti keadaan anak² ini apabila mereka itu keluar—off the camp.

Ahli Yang Berhormat daripada Johor Bharu Barat berharap supaya rumah² pemulehan akhlak bagi perempuan² yang rosak akhlak-nya patut di-adakan, kalau boleh, di-tiap² negeri. Jadi ini memang-lah bagus. Tetapi saya harap rumah yang ada sekarang ini menchukupi kerana kita tidak hendak menggalakkan orang² merosakkan akhlak. Akan tetapi apabila rumah² pemulehan akhlak ini tidak menchukupi sudah tentu-lah kita akan menambahkan lagi. Tetapi kita berharap yang mana ada ini akan beransor² hapus dengan kebaikan akhlak yang kita berharap akan bertambah dari satu masa ka-satu masa dengan didekan dan pelajaran yang kita beri kepada ra'ayat kita pada masa akan datang.

Saya juga suka-lah menjawab pada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok yang mengatakan ia-itu lebeh mustahāk lagi "utility" daripada "beauty". Ini memang betul-lah. Saya pun sangat setuju-lah. Dan saya sudah mengarahkan supaya rumah² ini ia-itu kita membena rumah² yang akan datang ini memandangkan kapada penggunaannya. Kerana wang sa-banyak ini dapat kita membuat rumah yang lebeh besar dan saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada beliau ini kerana pandangan-nya ada-lah sa-rupa dengan pandangan saya.

Ahli Yang Berhormat daripada Muar telah membangkitkan ia-itu berhubung dengan orang² yang di-bawa ka-rumah² pemulehan akhlak ini supaya mereka itu apabila keluar daripada sana dapat di-hubungkan dengan rumah² perniagaan, gudang²

dan sa-bagai-nya. Jadi memang pelajaran dan latehan yang kita beri kepada mereka itu bukan sahaja latehan moral akan tetapi juga supaya mereka dapat menchari nafkah mereka apabila mereka keluar daripada rumah² ini.

Saya juga menguchapkan terima kaseh kapada wakil Datok Kramat yang telah memberi satu chadangan ia-itu supaya ada co-ordination (kerja-sama) di-antara rumah² yang ada untok orang² sakit, orang² tua, orang buta dan sa-bagai-nya. Dan memang tiap² buah yayasan ini memang ada Board of Visitors atau Governors atau Managers, dan boleh-lah mereka jumpa di-peringkat Negeri jikalau mereka itu suka dan saya fikir boleh-lah mereka itu mengadakan satu jawatan-kuasa bagaimana dapat di-satukan kerja² di-mana yang boleh. Saya rasa, Tuan Pengerusi, itu sahaja-lah yang dapat saya jawab bagi soalan² yang telah dibangkitkan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,961,079 under Column (7) and \$70,000 under Column (8) for Head 124 agreed to stand part of the Development Estimates, 1966.

Head 125—

Mr Chairman: I now propose that the sum of \$78,335,010 for Head 125 be approved.

The Assistant Minister of National and Rural Development (Enche' Sulaiman bin Bulon): Tuan Pengerusi, dibawah Rancangan Malaysia Yang Pertama ini, Kementerian saya berchadang hendak membelanjakan sa-jumlah wang \$407,500,010 ia-itu untok ranchangan bagi membuka tanah² baharu dan lain² ranchangan luar bandar yang akan memberi kemudahan hidup kapada ra'ayat² yang di-luar bandar di-negeri² Tanah Melayu ini dan juga di-Sabah serta Sarawak. Sabahagian besar daripada jumlah per-untukan ini akan juga di-belanjakan untok ranchangan² dan projek² bagi membolehkan ra'ayat mempermainkan peranan-nya yang penting di-dalam lapangan ekonomi negeri ini, khas-nya dalam bidang perniagaan dan per-usahaan.

Saya suka hendak membawa perhatian Dewan ini, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua dahulu, Kerajaan telah memberi keutamaan² kepada rancangan² yang di-luar bandar. Bagitu juga-lah di-dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama ini Kerajaan bukan sahaja hendak meneruskan memberi keutamaan yang seperti itu, tetapi ia-lah juga mengambil perhatian yang khas supaya ra'ayat² di-luar bandar dapat menekmati peluang² yang diberikan untuk meninggikan taraf hidup mereka dengan cara yang lebih baik, sempurna dan teratur. Dalam tahun 1966 ini, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan memerlukan wang sa-banyak \$52.3 juta untuk perbelanjaan pembangunan dan pentadbiran. Daripada jumlah ini, sa-banyak \$10 juta akan di-utokkan bagi menjalankan pentadbiran dan urusan² Lembaga ini. Baki sa-banyak \$42.3 juta itu akan di-kehendaki bagi:

- (a) membuka dan menjaga 133,000 ekar tanah yang ada masa ini di-dalam beberapa peringkat pembangunan,
- (b) membuka 32,000 ekar tanah² baharu,
- (c) mendirikan kira² 4,000 unit rumah² untuk penduduk².

Saya suka menarek perhatian Dewan ini ia-itu enam daripada rancangan² yang awal dahulu telah pun mula mengeluarkan hasil-nya dan penduduk² di-sini sudah pun memperolehi pendapatan yang lebih tinggi daripada apa yang di-dapati-nya beberapa tahun dahulu sa-masa mereka di-kampung² nya yang asal, sa-hingga menyebabkan mereka sanggup dengan sendiri-nya membayar sukarela hati atas perbelanjaan² kumpulan yang telah di-gunakan mereka.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini untuk mengatakan kepada Dewan tentang kejayaan² yang telah di-chapai oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan semenjak di-lahirkan. Hingga sekarang, Lembaga ini telah membuka 62 rancangan² pembukaan tanah dengan sa-jumlah 133,000 ekar yang telah bertanam. 10 daripada rancangan² ini ada-lah

di-tanam dengan kelapa sawit dan 52 lagi dengan getah. Semua kawasan² ini ada-lah di-tanam dengan benih² yang terpilih dan boleh mengeluarkan hasil² yang tinggi. Ada pun rancangan² di-dalam tahun 1966, seperti mana yang telah saya katakan sa-bentar tadi, akan membuka lagi sa-luas 32,000 ekar tanah² baharu untuk getah dan kelapa sawit. Ini akan menokok keluaran tanah yang di-tanam sekarang kepada 165,000 ekar dan 40,000 ekar daripadanya ada-lah kelapa sawit.

Sa-banyak 62 rancangan² ini akan boleh menempatkan sa-ramai 16,700 keluarga atau kira² 100,000 orang.

Ada-lah di-anggarkan ia-itu hingga penghujung tahun 1966, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan dapat menempatkan 20,700 keluarga atau kira² 124,000 orang dalam beberapa rancangan itu. Ahli² Yang Berhormat akan dapat memerhatikan bahawa kawasan² yang di-tanam dengan kelapa sawit ada-lah sentiasa bertambah. Ini, Tuan Pengerusi, ada-lah hendak meluaskan dasar Pertanian Kerajaan yang sekarang menggalakkan berbagai² jenis tanaman. Pada masa hadapan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan menumpukan usaha bagi menanam kelapa sawit di-mana² ada sahaja tanah-nya yang sesuai lagi ber-ekonomi. Sa-lain daripada itu kawasan Jengka Tiga Segi, chuma beberapa kawasan yang terpilih sahaja akan di-tanam getah. Dalam tahun 1966 Lembaga ini akan mendirikan kilang² nya yang pertama di-dalam rancangan² ini untuk membolehkan-nya mengusahakan mengilang buah² kelapa sawit dengan bersendirian. Ini akan menolong penduduk² supaya mendapatkan harga yang lebih tinggi bagi hasil² mereka.

Tuan Pengerusi, daripada tahun 1966, usaha² pembangunan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan di-tumpukan di-kawasan² Jengka Tiga Segi yang meliputi 200,000 ekar dan ada-lah mengikut siasatan permulaan ada mempunyai harapan yang besar untuk pertanian. Satu sharikat penasihat yang di-lantek oleh Kerajaan sekarang sedang mengator dan menyusun serta menyediakan satu rancangan besar bagi kawasan ini.

Sharikat Penasehat ini sudah pun menjalankan penyiasatan² berkenaan dengan keadaan tanah, nilai harga bahan² hutan dan pengkajian tentang ekonomi pertanian di-kawasan ini. Pada akhir tahun 1966, apabila rancangan pembenaan besar ini dapat di-siapkan, maka dapat-lah di-agak dengan lebeh kurang kemungkinan pertanian dapat di-jalankan dalam kawasan ini. Daripada kenyataan² yang ada pada masa ini, kawasan Jengka Tiga Segi ini akan dapat menempatkan sa-ramai 20,000 penduduk². Tuan Pengerusi, ini tentu-lah akan menjadi satu pertolongan yang amat besar untuk mengatasi kesulitan² yang di-hadapi oleh orang yang tidak mempunyai tanah dalam negeri kita ini.

Satu lagi perkara yang penting dalam rancangan pembukaan tanah yang di-kelolakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ia-lah menyediakan kemudahan² hidup seperti Jalan² Raya, Sekolah², Perbekalan Ayer, Pusat² Kesihatan, Balai² Raya, Rumah² Ibadat, Kedai² Sharikat Kerjasama dan lain² kemudahan untuk memperbaiki keadaan hidup penduduk²-nya. Kemudahan² yang seperti ini sudah menjadi perkara biasa pada penduduk² yang di-dalam bandar tetapi di-anggap ada-lah besar ma'ana-nya kapada penduduk² yang di-luar bandar.

Saya ingin menyebutkan tentang satu pengalaman sa-buah kampung di-satu kawasan di-tepi Sungai Pahang. Tidak lama dahulu, penduduk² di-kampung ini mengambil masa hampir sa-hari suntok melalui sungai untuk pergi ka-bandar Pekan. Tetapi sekarang, oleh sebab ada-nya sa-batang jalan raya, perjalanan ini memakan masa hanya 20 minit sahaja.

Di-bawah Pechahan-kepala 2, satu peruntukan sa-banyak \$20,000,000 ada-lah di-perlukan oleh Majlis Amanah Ra'ayat untuk menguruskan pentadbiran dan perbelanjaan pembangunannya. Perbelanjaan Pentadbiran termasuk-lah gaji kakitangan²-nya, Lain Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas ia-lah lebeh kurang \$6.9 juta. Berhubung dengan perkara ini, saya suka memberitahu Dewan ini bahawa MARA akan

mengambil kakitangan² yang ber-kelayakan lagi berkelulusan dan berkebolehan yang khas untuk menjalankan beberapa rancangan² supaya ra'ayat dapat mengambil bahagian yang sa-penoh-nya di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Di-samping itu Majlis ini akan juga chuba mendapatkan bantuan² dari luar ia-itu pakar² daripada Bangsa² Bersatu dan juga Rancangan Colombo untuk memenohkan jawatan² pegawai professional yang sangat mustahak.

Daripada peruntukan sa-banyak \$20 juta itu, \$13.1 juta akan di-kehendaki untuk perbelanjaan rancangan² seperti latehan, pinjaman wang, perusahaan dan perniagaan, Kilang² Getah, Pusat² Perusahaan Getah Berkumpul, Pengangkutan dan Limbongan Kapal.

Tuan Pengerusi, satu daripada tugas Majlis Amanah Ra'ayat ini ia-lah untuk membolehkan ra'ayat yang telah tertinggal daripada mengambil bahagian di-dalam lapangan ekonomi supaya mereka dapat mengambil bahagian yang chergas. Oleh sebab itu perlu-lah di-beri mereka itu latehan yang sesuai dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Majlis Amanah Ra'ayat ini akan menjalankan satu rancangan latehan yang luas dalam masa menjalankan Rancangan Malaysia Yang Pertama ini. Dalam tahun 1966, Majlis ini akan mula melateh ahli² perniagaan kecil dan pemborong² dalam perkara pengurusan dan kawalan perniagaan dengan tujuan hendak menanamkan dalam jiwa mereka tentang penting-nya kecekapan, pandangan masa hadapan, kebolehan mengawal barang², pendapatan wang tunai, modal, kerja dan chara perniagaan yang lebeh baik.

Dewan Latehan yang ada di-Petaling Jaya pada masa ini ada-lah di-dapati terlalu sempit untuk keperluan sekarang. Oleh itu ada-lah di-chadangkan supaya di-perbesarkan 50% lagi. Pembesaran ini nanti akan memerlukan penambahan waktu mengajar dan pengambilan pensharah² tetap dan sambilan.

Bagi persediaan kita masa depan, Majlis Amanah Ra'ayat sudah pun juga memulakan membuat rancangan

untuk mendirikan sa-buah Dewan Latehan yang lebeh besar di-Batu Tiga, Jalan Klang. Kerja permulaan akan dijalankan dalam tahun 1966. Apabila Dewan Latehan ini siap maka MARA akan dapat-lah mengambil pelateh² yang lebeh ramai lagi.

Daripada jumlah peruntokan \$13.1 juta yang di-untokkan bagi pembangunan, \$2 juta akan di-gunakan oleh Bahagian Pinjaman Wang. Jumlah ini ada-lah menambahkan modal Pinjaman Majlis Amanah Ra'ayat supaya dapat mengatasi masaalah² yang di-hadapi oleh pemohon² yang kian hari bertambah daripada peniaga² kecil ini. Di-bawah bahagian peranchangan pinjaman wang, maka peniaga² yang mendapat pertolongan wang daripada Majlis ini akan di-letak di-bawah kuasa jagaan Majlis Amanah, mereka hendak-lah mengikut nasihat² yang di-beri oleh Bahagian Perkhidmatan Penasihat MARA. Rancangan ini akan memberi sa-besar² bantuan apabila peniaga² ini nanti mendapat panduan yang lebeh baik dan betul sejak dari mula membuka perniagaan mereka dan dengan itu jugalah dapat di-awasi pinjaman wang itu supaya di-gunakan dengan tepat-nya. Dengan sokongan dan nasihat² yang di-dapati daripada Bahagian Perkhidmatan Penasihat MARA ini, dan dengan pinjaman yang terkawal, saya mempunyai penoh keyakinan dan harapan yang peniaga² kecil ini akan dapat berdiri di-atas kaki-nya sendiri serta dapat menolong dan mengambil bahagian yang penoh dalam pembangunan negara kita ini. Tuan Pengerusi, dengan tegas-nya saya menyatakan bahawa MARA akan menolong ra'ayat menjalankan usaha² perniagaan mereka yang di-jalankan sama ada dengan bersendirian mahu pun dengan usaha bersama.

Daripada jumlah wang \$20 juta yang di-perlukan bagi tahun 1966, \$6,784,000 akan di-gunakan bagi belanja usaha² perdagangan dan perusahaan MARA. \$1.5 juta akan di-gunakan bagi mendirikan beberapa buah kedai di-bandar² dalam negeri ini supaya peniaga² kecil itu akan dapat kedai² yang bersesuaian letak-nya untuk berniaga. \$1 juta akan di-gunakan sa-

bagai peruntokan pusingan (revolving fund) bagi perusahaan Kain Batek manakala \$140,000 akan di-khaskan untuk menjalankan perusahaan kain sutera dan baldi.

Sa-banyak \$0.8 juta akan di-gunakan oleh Bahagian Pengangkutan. Jumlah ini di-untokkan untuk membeli bas² baharu kerana mengadakan perkhidmatan² bas di-jalan² raya baharu yang telah siap di-bena di-bawah Rancangan Lima Tahun Yang Kedua. Rancangan tahun 1966 Bahagian ini ada-lah juga berhubung rapat dengan Rancangan Pembinaan Jalan² Kerajaan. Tuan Pengerusi, Majlis ini sekarang sedang mengendalikan sa-banyak 63 perjalanan bas.

Tuan Pengerusi, dengan ada-nya tambahan tenaga dan kerjasama yang rapat dengan ra'ayat sendiri, maka saya perchaya Majlis Amanah akan men-chapai segala tujuan-nya.

Di-bawah Pechahan-kepala 3, peruntokan sa-banyak \$4 juta ada-lah di-untokkan bagi membena beberapa ranchangan kecil di-beberapa buah negeri di-Tanah Melayu. Rancangan ini termasuk-lah jalan² denai, jambatan², balai raya, perigi², culvert dan lain²-nya. Sungguh pun ranchangan ini ada-lah terdiri dari ranchangan kecil, tetapi ada-lah amat mustahak kapada penduduk² kampung terutama-nya kapada penduduk² yang tinggal di-kawasan² yang terpenchil di-mana akan mengambil masa untuk membuat jalan, ranchangan² yang besar di-situ, jika, ada.

Bagi tahun 1966 kebanyakan daripada ranchangan² ini ada-lah di-jalankan dengan chara bergotong royong—pendek kata segala ranchangan ini ada-lah di-tujukan kapada kampong² yang boleh menunjokkan semangat gotong royong dan menolong diri mereka sendiri.

tanah dalam Fringe Alienation Scheme dan semua ini, atau pun Control Scheme di-dalam Negeri masing² itu ada-lah tanggong-jawab Negeri yang mana kita tidak-lah boleh begitu kuat dan kokoh untok hendak champor tangan dalam hal yang sa-umpama itu, tetapi walau bagaimana pun, Kerajaan Negeri ada-lah menjalankan kerja dan usaha-nya dengan 'adil dan saksama. Dan begitu juga ada di-sebutkan tentang ta' ada-nya Sekolah China di-dalam atau di-mana juga scheme ini berada. Ini ia-lah di-sebabkan dalam scheme² itu tidak begitu banyak orang² China yang mengambil bahagian seperti mana yang saya sebutkan tadi. Jadi, dengan sebab itu boleh-lah agaknya Kerajaan hendak membuka satu kelas, atau satu sekolah pula untok orang² China dalam kawasan itu yang hanya ada dua, tiga, empat orang anak²-nya di-situ, atau ada sa-puloh orang anak²-nya itu hendak di-buka sekolah—tentu tidak. Maka tidak menjadi kehairanan sangat pada masa ini kerana dasar kita hendak mewujudkan bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan ini, maka sudah sa-patut-nya-lah orang² China yang dalam kawasan itu masok terus ka-sekolah kebangsaan yang ada itu.

Jadi, saya rasa itu lebih baik daripada menuntut, mendesak Kerajaan supaya mengadakan sekolah khas untok orang² China dalam kawasan itu

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tidak-kah itu mematikan bahasa dan kebudayaan yang lain² (AN HONOURABLE MEMBER): Tidak.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Itu terpulang ma'alum-lah. Jadi, Tuan Pengerusi, saya beraleh kepada Yang Berhormat daripada Dato Kramat. Barangkali dia ini mengigau siang², dan bukan mengigau waktu malam, dan dia ini betul-nya kerana datang-nya daripada "tandok lembu", jadi perangai-nya ta' ubah-lah macham lembu, Tuan Pengerusi. Kerana nam-pak-nya, kalau dia pergi meragut di-tanah orang, ta' apa, tetapi kalau orang masok ka-gelanggang dia,

hendak di-tandok-nya. Ini-lah perangai lembu yang saya katakan tadi, Tuan Pengerusi.

Jadi, dalam dia mengatakan ta' faham dengan apa yang saya sebutkan, tetapi sudah mengambil masa sampai sa-tengah jam lebih kurang dia berchakap yang di-benarkan oleh Tuan Pengerusi. Saya rasa ta' patut-lah saya menjawab semua-nya, kerana perkara² yang di-sebutkan itu tidak ada termasuk dalam apa yang kita hendak chakapkan dalam peruntukan ini. Jadi, itu saya tidak mahu-lah hendak jawab satu²-nya apa yang telah di-katakan-nya, kerana pada keseluruhan-nya dia berkehendakkan Pulau Pinang itu di-chantekkan daripada lorong, denai di-kampong², daripada kampong²

Dr Tan Chee Khoon: Untok penjelasan, Tuan Pengerusi, tujuan itu ada-kah salah?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Walau pun tidak salah, tetapi tidak ada sangkut-paut-nya dengan apa yang kita sebutkan dalam peruntukan ini. Itu sebab saya tidak suka jawab.

Ahli Yang Berhormat Wan Abdul Rahman, saya berasa dukachita-lah perkara yang sa-umpama itu berlaku, tetapi walau bagaimana pun, priority, atau keutamaan, ada-lah tanggong-jawab Jawatan-kuasa Pembangunan Negeri. Dalam pada itu, saya suka-lah hendak menyatakan apa yang di-sebutkan-nya itu ada-lah menjadi chatitan dalam hati saya dan dia berkehendakkan saya melawat sana barangkali boleh jadi, dan saya harus-lah menyiasat di-tempat-nya dan apa kehendak-nya yang ta' puas hati itu samuga dapat di-perbetulkan.

Ahli Yang Berhormat saudara kita dari Kota Star, saya menguchapkan terima kaseh di-atas sokongan²-nya kapada MARA. Perkara yang sabenar-nya ada-lah menjadi tujuan MARA akan melateh sa-berapa banyak yang boleh orang²-nya supaya mendapat latehan berhubung dengan perkara² perniagaan dan perusahaan dan juga untok menjalankan, atau mengendalikan bas² ini ada-lah di-lateh

orang²-nya sa-belum dia menjalankan kerja-nya. Jadi, saya perchaya-lah keadaan yang sa-macham ini dapat di-atasi.

Dan sa-lain daripada itu ia-lah yang akhir-nya sa-kali Yang Berhormat dari Melaka Selatan, saya menguchapkan terima kaseh dan juga saya tidak ketinggalan juga menyebutkan Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu tadi yang telah bersuara begitu lantang sa-kali, saya uchapkan lagi sa-kali terima kaseh, mudah²an kita akan dapat semangat daripada dia dan kita akan bekerja lebih kuat daripada itu. Terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Dalam MARA—usaha² MARA termasuk-kah ini juga, kerana yang saya dengar Malayan Flour Mill termasuk dalam MARA, company ini ada masok dalam MARA atau pun tidak?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, perkara itu tidak masok dalam MARA.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Bukan MARA buat-nya tidak masok-lah?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Kita hendak luluskan peruntukan dan baharu kita hendak melangkah kahadapan, Tuan Pengerusi, tetapi Yang Berhormat itu memang-lah orang yang cherdek pandai selalu menggigit, meng-giser (*Ketawa*), tetapi dia tidak tahu yang kawasan dia sendiri maseh lagi menjalankan feri buatan buloh, yang saya dudok hanyut di-Kelantan tempoh hari, Tuan Pengerusi.

Question put, and agreed to.

The sums of \$36,000,010 and \$42,335,000 in columns (7) and (8) respectively for Head 125 agreed to stand part of the Development Estimates, 1966.

Heads 126 to 131—

The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, saya mohon keizinan

mengemukakan perbelanjaan² yang tersebut di-bawah ini, ia-itu:

(1) Kepala 126—Menteri Tanah dan Galian	\$2,629,500
(2) Kepala 127—Kajibumi ...	241,973
(3) Kepala 128—Galian	300,000
(4) Kepala 129—Ukor	1,641,363
(5) Kepala 130—Orang Asli ...	951,040
(6) Kepala 131—Kehutanan ...	1,264,080

bagi tahun 1966 yang akan datang, di-luluskan.

Peruntokan² tersebut akan di-gunakan untuk menyiapkan projek² yang telah kita mulakan dalam masa² yang lalu dan juga untuk melaksanakan projek² yang baharu di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya ingin-lah memberi keterangan² dengan sa-berapa rengkas-nya mengenai tiap² Kepala.

Kepala 126—Menteri Tanah dan Galian, Pechahan-kepala 1. Di-bawah tajok “Ranchangan Tanah Pinggir”, wang pinjaman sa-banyak \$2,000,000 dan wang bantuan sa-banyak \$1,413,500 yang akan di-beri kepada Kerajaan² Negeri dalam tahun 1966, ia-lah untuk melanjutkan usaha² pembukaan tanah oleh Kerajaan² Negeri di-bawah Ranchangan Tanah Pinggir. Sa-banyak 5,855 ekar tanah boleh di-buka dengan wang ini. Di-sini saya suka menegaskan ia-itu policy memberi tanah pinggir ini ada-lah dipegang oleh Kerajaan Negeri dan saya harap-lah jikalau pun orang² bumiputera mendapat lebeh sedikit daripada mereka bukan bumiputera, jangan-lah ini di-gunakan sa-bagai satu alasan menjunokkan bahawa Kerajaan tidak bersifat ‘adil.

Pechahan-kepala 2—Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Kebangsaan. Tujuan yang utama bagi mendapatkan bekalan wang \$4,000,000 bagi tahun yang akan datang ia-lah untuk melaksanakan tugas² Lembaga itu seperti yang telah saya nyatakan dahulu dengan jelas-nya kepada Dewan ini ketika Dewan ini membincangkan Rang Undang² bagi menu-bohkan Lembaga itu.

Pechahan-kepala 3. Ahli² Yang Berhormat sakalian, terutama sa-kali Ahli

Yang Berhormat wakil dari Lipis, telah menegaskan dalam Dewan ini bagaimana penting-nya Taman Negara kita yang tunggal dalam Malaysia ini di-perelokkan lagi. Taman yang indah permai ini memang telah terkenal di-kalangan pelanchong² dari luar Malaysia dan juga di-kalangan ra‘ayat Malaysia. Kerajaan sedar Taman Negara kita ini mempunyai puncha hasil, atau pun potentialities yang besar dari segi perusahaan pelanchong. Memang-lah menjadi tujuan Kerajaan untuk memperelokkan lagi Taman Negara ini. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, sa-banyak \$750,000 akan di-belanjakan dalam usaha Kerajaan hendak memperbaiki Taman Negara kita. Usaha² itu termasuk-lah mendirikan bangunan² dan lain² bagi faedah pegawai² yang mengurus Taman itu dan juga bagi pelanchong² sakalian.

Bagi tahun 1966 sa-banyak \$100,000 akan di-belanjakan untuk membena beberapa buah rumah tumpangan, atau pun quarters untuk kaki-tangan Taman Negara itu dan akan membena juga beberapa buah rumah “chalet” bagi pelanchong². Rumah² tumpangan serta rumah “chalet” yang ada sekarang ini tidak-lah menchukupi dan tidak memuaskan hati kita.

Dalam masa tiga tahun yang lalu hampir² 90% daripada bilangan pelanchong² yang melawat Taman Negara kita yang endah itu ada-lah pelanchong² dari luar negeri. Jumlah bilangan pelanchong dan hasil yang di-dapati daripada-nya ia-lah seperti berikut:

	1963	1964	1965 hingga Oct. 31
Pelanchong ..	401	321	338 orang
	1963	1964	1965 hingga Oct. 31
Hasil yang di-perolehi ..	\$20,684.65	\$18,262.21	\$18,000.00

Dengan ada-nya kemudahan² yang lebeh sempurna, maka tentu-lah ramai lagi pelanchong² akan datang melawat Taman Negara kita dan kutipan hasil tentu-lah akan bertambah.

Ranchangan pembangunan, Tuan Pengerusi, di-negeri Sarawak di-masa² yang lalu telah di-jalankan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Mulai daripada tahun 1966 ini, Kementerian

Tanah dan Galian akan menolong sabahagian daripada kerja² bagi menyelenggarakan projek² pembangunan disana. Pertolongan itu hanya-lah dalam bidang penyeliaan dan penyelenggaraan kerja² permulaan bagi melancarkan Ranchangan² Kemajuan Tanah; Pembinaan Bangunan² Kerajaan di-kawasan ranchangan, dan Pembangunan Kampong dalam Kawasan² Kemajuan Tanah. Ini-lah peruntukan yang di-kehendaki di-bawah Pechahan-kepala 21, Pechahan-kepala 22 dan Pechahan-kepala 23.

Kepala 127—Kajibumi. Dalam masa lima tahun yang akan datang ini, Jabatan Kajibumi akan menguruskan lagi kerja² membuat peta, khusus-nya memeta kawasan² Pahang Tenggara dan Johor Utara yang mungkin di-kehendaki bagi ranchangan² kemajuan tanah. Di-samping itu, Tuan Pengerusi, jabatan ini akan menambahkan lagi penerbitan²-nya.

Projek² pembangunan Jabatan Kajibumi di-bawah Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama akan menelan belanja hampir² \$840,000 dan daripada jumlah itu sa-banyak \$241,973 ada-lah di-anggarkan bagi tahun 1966. Peruntukan itu meliputi perbelanjaan² untuk membeli alat² scientific baharu terutama sa-kali alat X-ray yang telah pun mencapai beberapa kemajuan dalam beberapa tahun yang lepas tadi; membesarkan lagi Ibu Pejabat Kajibumi di-Ipoh; menjalankan kerja² Penyiasatan Penilaian Galian, atau pun Mineral Clearance Survey; membeli alat² pejabat dan sa-bagai-nya. Peruntukan yang di-sebutkan di-bawah Pechahan-kepala 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 di-bawah Kepala 127 ada-lah di-pohonkan.

Kepala 128—Galian. Sa-bagaimana yang telah saya nyatakan kepada Dewan ini dalam perbincangan Anggaran Belanjawan Biasa, Pasokan Pengorek Penyiasatan Galian yang diselenggarakan oleh Jabatan Galian di-bawah Kementerian saya dan juga oleh Jabatan Kajibumi juga di-bawah Kementerian saya telah menjalankan kerja menchari galian, atau pun scout prospecting dalam Kawasan Rezab Orang² Melayu semenjak tahun 1962.

Bilangan² kawasan telah pun saya nyatakan ketika itu.

Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama peruntukan sa-banyak \$500,000 ada-lah di-sediakan bagi projek penyiasatan galian dalam Kawasan² Rezab Orang Melayu. Bagi tahun hadapan kita akan membelanjakan sa-banyak \$300,000 untuk membeli alat kelengkapan bagi melanjutkan lagi kerja Pasokan Pengorek Penyiasatan Galian tersebut tadi. Sa-kali lagi saya suka-lah menerangkan di-sini, ia-itu saya berharap sungguh pun kita mengadakan peruntukan ini bagi Rezab² Orang Melayu, bukan-lah ini menunjokkan bahawa Kerajaan kita tidak peduli, tidak ambil tahu kepada nasib ra'aya² lain di-dalam Malaysia ini, tetapi ini-lah satu daripada chara-nya untuk mengimbangkan, atau pun menaikkan taraf kehidupan mereka yang maseh mundor lagi dalam ekonomi negara kita ini.

Kepala 129—Ukor. Tuan Pengerusi, kebanyakan-nya sa-bagaimana yang telah dapat kita ketahui daripada peruntukan ini, atau pun daripada estimate ini ia-lah akan membeli perkakas², atau pun membesarkan Pejabat² Ukor kita. Saya suka menerangkan dengan jelas-nya mengenai Pechahan-kepala 2. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Kerajaan Perikatan yang sesungguhnya-nya mempunyai kepentingan ra'ayat hal ehwal ra'ayat akan kita jaga, akan mendirikan sa-banyak 250 unit rumah² untuk pekerja² I.M.G. (Industrial Manual Group) yang akan menelan belanja sa-banyak \$1,500,000. Bagi tahun 1966 peruntukan sa-banyak \$269,000 ada-lah di-pohonkan untuk membena 46 unit, saperti berturut:

1. Perak ..	Sitiawan ..	6 unit
2. Pulau Pinang ..	Batu Uban ..	2 ..
3. Kelantan ..	Kota Bharu nasib baik nampak-nya Kelantan ini ..	2 ..
4. Pahang ..	Temerloh ..	6 ..
5. Melaka ..	Bandar Melaka ..	6 ..
6. Negri Sembilan ..	Seremban (Kuala Pilah) ..	6 ..
7. Johor ..	Kota Tinggi (Batu Pahat) ..	6 ..
Jumlah ..		46 unit

Jumlah anggaran perbelanjaan bagi 46 unit ini ada-lah \$269,000 dan ini sa-kali lagi membuktikan kepada ra'ayat sakalian bahawa Kerajaan

Pusat benar²-nya bukan sahaja Kerajaan kapitalis untuk membantu mereka yang kaya, bahkan kita sa-benar²-nya untuk membantu mereka yang susah, termasuk Kelantan; kita kasehan kepada Kelantan. Ada di-Kota Bharu kita hendak buat dua unit di-sana. Sa-lepas itu akan datang kita hendak buat lagi. Sudah puas hati?

Di-bawah Pechahan-kepala 3, wang sa-banyak \$101,296 ada-lah di-perlukan untuk membena sa-buah Setor Peta. Setor² itu sa-benar-nya sudah siap, Tuan Pengerusi, chuma kita tunggu pemasangan letrik dan api sahaja lagi dan wang ini ada-lah untuk kita membelanjakan atau pun mengemaskan setor² itu.

Di-bawah Pechahan-kepala 4, sa-buah Pejabat Ukur Negeri yang baharu untuk Negeri Kedah—nampak-nya beruntung negeri Kedah tahun akan datang—sangat-lah mustahak oleh sebab bangunan yang ada sekarang ini sudah burok. Wang sa-banyak \$400,000 ada-lah di-kehendaki untuk maksud ini. Pembinaan di-jangka akan selesai dalam tahun 1966 dan bangunan itu akan dapat di-duduki pada akhir tahun 1966 atau pun pada awal tahun 1967. Saya sedang berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah meminta supaya harga tanah yang ada akan di-berikan kepada Jabatan Ukur ini atau pun Kerajaan Pusat dan di-kurangkan sedikit daripada harga yang di-minta oleh Kerajaan Negeri itu ia-itu \$1.50 sakaki. Kita minta satu ringgit sakaki. Perundingan ini belum selesai lagi dan saya harap-lah Kerajaan Negeri Kedah akan bersimpati. Kerana projek ini ada-lah untuk menguntungkan Kerajaan Negeri itu. Bagi Pechahan²-kepala yang lain untuk membeli alat² perkakas scientific, tidak-lah perlu hendak saya nyatakan dengan lanjut-nya, tetapi jika penjelasan di-kehendaki saya sedia akan memberi penjelasan.

Berkenaan dengan Kepala 130, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah saya nyatakan kepada Dewan ini ketika membincangkan Anggaran Perbelanjaan biasa bagi tahun 1966, Jabatan Orang Asli akan meneruskan serta memperhebatkan lagi ranchangan²

yang telah di-jalankan dahulu untuk membantu orang² asli. Bagi tahun 1966 peruntukan sa-banyak \$951,040 ada-lah di-peruntukkan. \$165,000 daripada peruntukan itu akan di-gunakan untuk membanyakkan lagi perkhidmatan² di-kawasan pendalaman. Perkhidmatan itu bagi tahun 1966 ada-lah seperti berturut: Projek No. 1. Tiga buah rumah sekolah akan di-dirikan. Sa-buah di-daerah Pekan, Pahang, sa-buah di-daerah Tapah, Perak, dan sa-buah lagi di-Kuala Langat Selangor. Tiap² sekolah ini akan mempunyai 3 kelas. Ini bererti lebeh kurang 270 orang murid² orang asli akan dapat di-beri pelajaran lagi dalam sekolah² itu. Dan ketiga² buah sekolah ini di-jangka akan menelan belanja sa-banyak \$37,800. Kerja mendirikan rumah² sekolah itu akan di-selenggarakan semua-nya oleh orang² asli sendiri. Projek No. 2. Tiga buah Asrama akan di-bena sa-buah di-daerah Pekan, Pahang sa-buah di-daerah Tapah, Perak dan sa-buah lagi di-daerah Jelebu, Negeri Sembilan, di-mana pada masa ini tidak ada asrama. Sa-buah sekolah yang baharu di-Kuala Langat tidak menghendaki asrama, kerana Kerajaan telah mendirikan dalam tahun 1961 sa-buah asrama yang cukup boleh menerima murid² yang baharu.

Asrama² tersebut akan menelan belanja \$34,200 dan kerja membena-nya akan di-selenggarakan oleh orang² asli sendiri juga. Projek No. 3. Di-lapangan perubatan pula, Jabatan Orang Asli dalam tahun 1966 akan membena lagi Rumah Saki di-Ulu Gombak, Selangor.

1. 2 wad baharu	\$ 9,000
2. 10 buah staff quarters bagi pegawai Division IV	18,000
3. Sa-buah rumah bagi pegawai Division I	8,000
4. Bekalan ayer dan pembenaan bilek ² mandi	7,000
5. Bekalan electric	20,000
6. Tandas dan kemudahan kebersihan lain ²	10,000
7. Gaji untuk pekerja ² orang asli membena perkara ² yang tersebut	7,000
Jumlah	79,000

Pusat Perubatan akan di-bena juga, sa-buah di-kawasan Sungei Gop—Kelantan lagi—sa-buah di-Paya Pelong,

Pahang dan sa-buah di-Mawai, Johor.—Agak-nya Ahli yang Berhormat dari Negeri² ini akan bersukacita mendengar penerangan ini—Projek ini akan menelan belanja sa-banyak \$12,000. Dua Pusat pemindahan lengkap dengan kawasan pendaratan untuk helikopter di-dalam hutan akan di-bena dan ini akan menelan belanja \$2,000 sahaja. Maka jumlah anggaran belanjawan bagi projek² kemudahan perubatan bagi tahun yang akan datang ia-lah \$93,000. Perbelanjaan² membenakan bangunan² yang tersebut diatas ini ada-lah murah dan ini disebabkan kerana semua kerja² itu di-selenggarakan oleh orang² asli sendiri. Ini sa-kali lagi membuktikan bahawa kita melateh orang² asli supaya pakar di-dalam kerja tukang kayu, dengan chara demikian mereka itu dapat mencari belanja mereka daripada kerja² yang kita beri kepada mereka itu untuk membenakan nasib mereka sendiri.

Bagi Pechahan-kepala 2 ranchangan² kechil untuk memajukan ekonomi orang² asli. Dalam perbinchangan Anggaran Perbelanjaan Biasa bagi tahun 1966 saya telah menerangkan dengan jelas-nya kepada Dewan ini ia-itu Jabatan Orang Asli telah melan-charkan ranchangan kilat untuk membantu orang² asli.

Sekarang bagi projek No. 4—Pasokan Pembena. Dua pasokan pembena telah di-tubuhkan dan mereka telah pun menjalankan kerja mereka dengan chemerlang. Bagi tahun 1966, kedua² pasokan pembena itu akan terus menjalankan pekerjaan² mereka dan jumlah anggaran perbelanjaan untuk ranchangan ini ia-lah \$88,520—Bagi projek No. 5. Menghapuskan “Kawasan Hitam”. Kawasan² hitam tidak kena mengena dengan emergency, Tuan Pengerusi. Dalam tahun akan datang pasokan pembena akan membersehhkan kawasan² hitam yang tersebut dibawah ini.

Kawasan	Kelamin	Jumlah orang
1. Sungai Galah, Perak ...	42	172
2. Redang Ponggor, Perak ...	44	160
3. Sungai Pelawan, Perak ...	28	171
4. Bukit Legong, Selangor ...	23	96

Kawasan	Kelamin	Jumlah orang
5. Ayer Baning/Jelebu Re-settlement Scheme (Ranchangan kediaman baharu)	49	186
6. Ranchangan kediaman Sungai Layau ...	96	325

Saya hendak chari kalau ada Kelantan, tetapi tidak ada nampak-nya di-sini. Tiap² kelamin yang masok dalam ranchangan ini akan di-beri pertolongan² yang berturut² saperti yang saya jelaskan dahulu ketika membinchangkan Anggaran Perbelanjaan Biasa bagi tahun yang akan datang. Jumlah perbelanjaan untuk membersehhkan kawasan² hitam itu ia-lah \$498,740.

Projek No. 6, Jabatan Orang Asli akan juga membelanjakan sa-banyak \$123,780 bagi ranchangan membuka lebeh kurang 600 ekar tanah untuk di-tanam getah, kelapa dan di-jadikan dusun. Penglaksanaan ranchangan ini ada-lah dengan chara gotong royong di-antara orang² asli sendiri. Bagi tahun 1966, ranchangan ini akan di-jalankan dalam negeri Pahang sahaja, dan lebeh kurang 100 kelamin akan di-bantu di-bawah ranchangan ini. Dalam ranchangan ini Jabatan Orang Asli akan di-bantu oleh pasokan² khas daripada Jabatan Pertanian yang di-lengkapi dengan terekor² dan alat² pertanian yang lain.

Projek No. 7 ia-itu yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-lah ranchangan² ekonomi kechil. Wang sa-banyak \$50,000 akan di-belanjakan dalam tahun 1966 bagi Negeri Kelantan, Pahang, Johor dan Melaka. Kelantan bernasib baik lagi. Di-bawah ranchangan ini orang² asli akan di-bantu dengan binatang² ternak, perkakas² untuk pertanian dan lain² lagi.

Pechahan-kepala 3, peruntokan sa-banyak \$25,000 di-pohonkan di-bawah Pechahan-kepala ini untuk penyeliidekan. Satu Pusat Penyeliidekan akan di-tubuhkan di-Ulu Gombak. Penyeliidekan sa-chara scientific berkenaan dengan chara kehidupan orang² asli akan dapat menolong usaha kita untuk memperbaiki keadaan sosial dan keadaan ekonomi orang² asli dengan lebeh² berkesan lagi. Demikian-lah

sahaja, Tuan Pengerusi, penerangan saya berkenaan dengan Kepala 130.

Berhubung dengan Kepala 131, sebenarnya tidak menghendaki penjelasan yang lanjut daripada saya sa-lain daripada Pechahan-kepala 1 ia-itu mengenai rumah² tumpangan (Staffing house) di-Kepong. Wang sa-banyak \$170,000 ada-lah di-kehendaki untuk membena tiga buah rumah (Quarters Kelas C) bagi tiga orang pegawai² kanan di-Pusat Penyelidikan Hutan di-Kepong, dan juga untuk membayar belanja bagi memasang alat² letrik, paip ayer dan membeli alat² rumah bagi dua buah rumah atau pun Quarters yang telah siap di-bena dalam tahun ini. Bagi Pechahan-kepala yang lain ada-lah di-sebutkan di-dalam Anggaran Belanjawan ini untuk Timber Research Laboratory di-Kepong yang kita besarkan lagi, dan juga untuk Sekolah² Kehutanan di-Kepong dan juga untuk perumahan² bagi orang² yang bekerja di-situ dan membeli alat² perkakas² scientific bagi menjalankan tugas² pegawai² kita di-dalam Jabatan yang berkenaan itu. Bagi Pechahan²-kepala 21 dan 22 tidak ada peruntukan bagi tahun 1966, dengan hal yang demikian tidak-lah saya memberi penjelasan. Pechahan-kepala 31, 32, 33 ia-lah berkenaan dengan Timber Research and Training Centre di-Sarawak di-sana, Tuan Pengerusi. Bagi Pechahan-kepala 32 bagi Oya Road Experimental Station dan 33 bagi Forest Research di-Sarawak. Sa-bagaimana yang kita tahu daripada anggaran bahagian ini, peruntukan ini ia-lah sa-bagai satu reimbursement kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Demikian, Tuan Pengerusi, saya pohonkan perbelanjaan yang telah saya nyatakan tadi di-luluskan. Terima kasih.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya masuk champor dalam perbahathan ini atas satu kepala sahaja ia-lah Kepala 128 berkenaan dengan lombong ia-itu chadangan yang telah di-masokkan berkenaan dengan hendak menyiasat lagi ada-kah bijeh atau tidak dalam Kawasan Melayu. Jadi di-sini saya suka-lah hendak menyertai harapan

Yang Berhormat Menteri tadi bahawa jangan-lah oleh sebab chadangan ini di-buat di-kawasan Melayu sahaja di-fikirkan Kerajaan lupa pada orang yang bukan Melayu.

Berkenaan dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, walau pun barangkali pada satu masa dahulu Yang Berhormat Menteri telah memberi angka², tetapi saya rasa tidak-lah salah kalau saya hendak mengingatkan Dewan ini lagi, tentang angka² yang mustahak berkenaan dengan penyiasatan berkenaan dengan perlombongan dalam Kawasan Melayu dan juga sa-banyak mana-kah orang² Melayu ada mengambil bahagian di-negeri ini di-dalam perlombongan. Angka² yang ada di-dalam ingatan saya, Tuan Pengerusi, semenjak tahun 1962 sa-hingga rasanya pertengahan tahun ini, hanya 26 kawasan sahaja yang telah di-siasat oleh Kerajaan, dengan bahasa Inggeris di-kata "Mineral Investigation Drilling Unit" dalam bahasa Melayu Chawangan Gerudi Menyiasat Galian berjumlah ekar-nya hanya 70 ribu lebeh kurang sahaja dan daripada 70 ribu itu hanya di-dapati 13 kawasan sahaja mengandongi 10,800 ekar lebeh sahaja yang di-katakan ada isi-nya.

Jadi, pada pandangan saya jumlah yang di-untokkan sa-lama lima tahun sa-banyak hanya \$500,000 itu rasa saya kechil sangat, sebab sekarang ini, bagaimana kita ketahu², harga bijeh tinggi dan sa-patut-nya-lah orang² Melayu ada kelapangan mendapat faedah daripada harga² bijeh yang tinggi ini. Berkenaan dengan kawasan bijeh atau kawasan tanah yang ada di-tangan orang² Melayu, sedikit sangat. Saya rasa sa-hingga akhir tahun lalu jumlah tanah lombong yang di-pajak kepada pelombong² di-dalam negeri² di-Malaya ini berjumlah 51,085 ekar yang di-pajak oleh orang² Melayu hanya 10,559 ekar sahaja ya'ani hanya 2% sahaja daripada jumlah tanah itu yang di-kerjakan oleh atau di-pajak oleh orang Melayu, itu pun termasuk yang di-pajak oleh orang² Melayu berkongsi dengan orang² yang bukan daripada bangsa Melayu. Jadi oleh sebab itu saya dengan harapan yang besar minta Menteri yang berkuasa tolong menyegerakan penyiasatan ini

supaya biar-lah pehak² orang Melayu dapat bahagian juga di-dalam kekayaan yang terbit daripada harga bijeh² yang melompat tinggi pada masa ini.

Itu-lah sahaja tegoran saya dalam Estimate ini dan saya sokong-lah kesemua-nya yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir, I wish to speak a little only on the estimates for next year that have been introduced by the Honourable Minister of Lands and Mines.

Mr Chairman, Sir, with regard to Head 126, I notice that for Fringe Alienation Schemes loans for the next five years come to \$5 million and grants to States for the next five years also come to \$5 million. Now, with due respect to the Honourable the Minister concerned, I wish to say that this is far too little for the whole of Malaysia. Perhaps, he has fought a losing battle with the N.D.P.C. But, if we are to do more by way of fringe alienation then the sum of \$10 million—\$5 million by way of loan and \$5 million by way of grant—is far too little.

Then with regard to Land Rehabilitation and Consolidation Authority, that again is far too low. The sum allocated is \$20 million, and that being asked for by way of loan for next year is \$4 million. Again, I feel that this is far too low, particularly it is by way of loan, because if it is by way of loan, you presumably can recover all of it; and therefore, I do not see any reason why the Minister concerned should not get more than the \$20 million that has already been allocated to him.

I come to Head 127. All the sums asked for, amounting to nearly \$840,000 are of great importance to this country, and so I would like the Minister to bear with me, instead of asking me to show under what sub-head I am speaking on. Sir, he knows very well that tin is a wasting asset and therefore the investigation for tin in other parts of Malaysia must be pursued with greater vigour, and likewise any other minerals that may be

present in this country also should be pursued with greater vigour. I am glad that this Ministry has looked into the matter of off-shore tin mining and off-shore oil. I do hope that with proper investigation and proper research we might find hidden resources off the shores of Malaya—and we have a very long coastline—and also in the other parts of Malaysia. Consequently, Mr Chairman, Sir, I regret that this sum of nearly \$840,000 is a very paltry sum, when compared to what we can get by way of return from whatever hidden resources that may exist under the soil or under the sea-bed of Malaysia. Think of it, if you strike a patch of oil off Port Swettenham—how much it will accrue not only to the State of Selangor, but also to Malaysia as a whole and by way of employment. We need not have to get our oil all the way from the Middle East. I do hope that the Minister concerned will see ways and means of getting far more than this \$840,000 spread over a period of five years.

I think Shell itself will be spending not this paltry sum but ten times this paltry sum in the quest for oil off Brunei, I believe—they are looking for off-shore oil there.

Mr Chairman, Sir, I come now to Head 129. The Minister has made great play about this item—Sub-head 2—of \$1.5 million for the next five years and of \$269,000 for next year. He has made great play about the quarters for the I.M.G. He has talked about so many units there—Kelantan also he has included. With due deference to the Minister concerned, I say that this is chicken feed. He knows very well that the I.M.G. class of workers are the poorest paid in this country and, consequently, not only is their pay poor but their quarters are also wretched, and this sum of \$1.5 million spread over five years merely scratches the surface of the problem; and, as I said before in the debate on the First Malaysia Plan, if there is to be any prosperity in this country—the Five Year Plan, and this is part of the Five Year Plan—the objective is to increase our national income, increase prosperity. I have

always maintained that, if there is any increased prosperity, if there is going to be a bigger cake, the workers of this country, and in particular the lower grades of workers in this country—I maintain that the I.M.G. class of workers are the lowest paid of this country, and they do not even belong to Division 4 of the Government service—should have a share in the increased prosperity that may accrue under the First Malaysia Plan. Consequently, if you think of the G.N.P. of nearly \$9,000 million and you give the workers over five-year period, a paltry sum of \$1.5 million, I say that the Ministry should hang its head in shame and not stand up and be proud of 2 units there, half a unit there in Kelantan, and the like.

Mr Chairman, Sir, I come now to Head 131, and here again I do hope that the Minister, instead of pinning me down to a particular subject, will allow me to talk very briefly on the timber industry. I have always maintained that we can get more out of our timber industry. I have already pointed out that in the First Malaysia Plan the projected export for timber is far too little. This is a paradox in view of the fact that there is so much timber in the States of Malaya, and far more in Sabah and Sarawak. It stands to reason that if you open up more export for timber, cut down more timber, open up more forest, then you can open up more land for re-settlement. In exporting more you are really killing two birds with one stone. You export timber, you open up land for the landless. I believe every Member of this House is fighting for land for the landless in this country. I believe that round and sawn timber export should be stepped up and I commend this to the Minister concerned. *Pari passu* with this export of timber, I have also pointed out that—I do not know whether the Minister concerned has taken notice of it—instead of exporting the crude logs or the crude sawn timber, why should not we finish the product so that the importer at the other end takes the plank and knocks it on his wall, and we have ready made doors for them. Now, we import, of all

places, from Scandinavian countries ready made materials and yet we export crude timber. I commend to the Minister concerned that we cannot only provide more employment but get more money if we, instead of just exporting crude timber, also export the finished products.

Finally, with regard to Head 131, I wish to commend to the Minister not that he does not know that if you go on cutting timber at an indiscriminate way and do not *pari passu* take care of reafforestation, then you will have a whole heap of problems, not just a depletion of natural resources but soil erosion and changes in the climate as well. I commend this important aspect of reafforestation to the Ministry concerned.

Finally, Mr Chairman, Sir, if you look at the allocation for the Ministry of Lands and Mines over the next five years, you will find that it is proposed to spend \$53.5 million-plus, and yet the allocation the Minister now asks for next year is \$6.7 million-plus, giving a percentage of only about 9% of the target. Now, this is a favourite answer of the Ministers of the Alliance Government if whenever you ask them about targets, plans and all, they will tell you "*semua bersedia*". Now this "*semua bersedia*", I wish to point out, covers a whole heap of sins of omission and commission. If you for the next year perform only 9% of your target, how on earth are you going to complete your target in the next 5 years? I do hope that the Minister concerned will, in the years to come, give us a more realistic target for his Ministry. This applies not only to his Ministry but also all the other Ministries.

Yesterday I pointed out, in connection with Commerce and Industry that for F.L.D.A. the sum asked for was \$5 million, token vote \$10—I am glad that the Minister for Commerce and Industry has come in—and for scientific research the sum asked for was \$5 million, token vote \$10. Is this what you call "*semua bersedia*"? I commend this idea also to the Minister for Lands and Mines that next year when he

comes for his development estimate, let us hope that it will be more than the 9% of the target that he has asked for the next 5 years.

Minister for Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Batu was not present in this House last night, when I replied to his question of token votes; for his information, I say again that it is not that the Government is not ready, but the question is of getting the bodies, the experts. For example for the Natural Institute for Scientific and Industrial Research or N.S.I.R. we are still waiting for this expert, including F.L.D.A. So, unless this man comes in here and works out the detailed budget, it would not be fair to come to this House to give a wrong figure.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, that is no explanation, because one would have thought that this question of F.L.D.A. has been thought of long ago, and the Government should have gone down with the job of getting the expert concerned and not come and tell us, we can't get that body, he has to come here to look at the figures. We are providing the work he is expected to do, but we do not know whether he will accept this job. That is an admission of failure on the part of the Minister of Commerce and Industry.

Dr Lim Swee Aun: Mr Chairman, Sir, on the point of clarification, further—the Honourable Member seems to think that experts grow on trees. If he does not then he admits that there is a shortage of experts. Experts are short throughout the world—even doctors are short, leave alone these other experts.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): *Bangun.*

Mr Chairman: Saya beri 3 minit.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya hendak sebut yang pertama, saya ber-simpati dengan Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini ia-itu tidak patut-lah orang menyerang dia ketika dia tidak ada di-sini. Pagi ini banyak

sangat orang menyerang dia, jadi dia dengar sa-orang sahaja kalau dia dengar orang kata tadi tentu tidak marah lagi, orang² Perikatan sendiri pun mengata pada dia.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tanah pinggir ini (fringe alienation) Scheme. Tuan Pengerusi, saya hendak minta kepada Menteri kita ini bagini sahaja. Kita kajikan chara² hendak memberi tanah pinggir ini. Pada masa ini betul-lah kita serah kepada Kerajaan Negeri atau pun chara² yang sekarang ini, tetapi oleh kerana tanah pinggir itu kecil ia tidak merupakan economic holding, saya lebih suka kalau Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Federal masing² kalau kuasa-nya yang berkenaan memikir satu chara yang lain daripada chara yang ada sekarang ini.

Yang ketiga, berkenaan dengan Taman Negara, saya kalau tidak silap saya, National Zoo—Taman Negara ini, tempat itu ada di-tunjuk binatang² banyak. Binatang² ini, Tuan Pengerusi, sa-mata² untuk kesukaan dan dia tidak productive. Taman Negara itu kalau tidak salah saya—takut saya silap pula. Jadi, binatang² yang ini, Tuan Pengerusi, sa-mata² untuk menyukakan, tetapi dia tidak productive. Kalau tidak silap saya National Zoo-lah, betul-kah?

Mr Chairman: Jalan-lah.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, saya hendak mengshorkan supaya ada binatang² tempatan supaya banyak dalam Zoo itu bukan sahaja untuk di-pandang orang tetapi boleh di-gunakan untuk apa² *research*. Saya pernah pergi ka-Sarawak masuk di-perdalaman Sarawak ada sa-jenis berok kecil tetapi chantek dan cherdek macham chimpanzee.

Jadi, kalau ada jenis² itu kita bawa masuk pun dapat menjadi satu productive dari segi education.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Elok-lah saya bertimbang rasa sedikit kali ini dengan Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu. Tuan Pengerusi, Taman Negara ini di-Pahang, National Zoo di-Ulu Selangor; nampak-nya

belum jumpa lagi kawan dia dekat Ulu Selangor itu. Chara memberikan tanah pinggir ini, chadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya di-kaji sa-mula; itu memang-lah sentiasa kita buat daripada satu masa ka-satu masa, dan apa sahaja chadangan sama ada daripada Ahli Yang Berhormat atau pun daripada Ahli² Yang Berhormat daripada Parti Perikatan yang di-fikirkan burok yang patut di-perbaiki lagi, Kerajaan sedia akan menimbangkan supaya melichinkan kerja² kita.

The Honourable Member for Batu, unfortunately, is not here. As usual, this *lembu* runs away when we try to really confront him with hard facts. (*Enche' Lim Kean Siew enters*).

Enche' Lim Kean Siew: The *lembu* is here.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Oh, the brother *lembu* is here! (*Laughter*) Mr Chairman, Sir, he has said that the provision under Head 126 for my Ministry is very small; he would like to see more funds to be provided for fringe alienation schemes; the sum of \$10 million—\$5 million for grants and \$5 million for loans—is very small. (*Enche' Lim Kean Siew leaves*). Again, you see, Mr Chairman, Sir, he is running away this *kepala Lembu*! (*Laughter*) Sir, much as we would like to have more money for these projects, what we must bear in mind is that, as it is already stated clearly in the First Malaysia Plan, the problem is a question of priority. Other than Defence and Education, we must really concentrate on productive investments which will bring as quick a return as possible to the nation, so that when we get the return, we will be able to finance other development projects. We will try our best to live up to what is expected of us within the limits of the sums provided by this House.

In connection with investigations for tin and other natural resources in this country, the Department concerned, the Department of Geological Survey, has also been carrying out its work satisfactorily, and I can say definitely here that the Department will try its very best to find other mineral resources in

this country. I agree that the sum of about \$240,000 is little but, as I said just now, that is all that we can get under this Head.

He describes the provision under Head 129, Sub-head 2, as “chicken feed” to provide for labour lines for the workers. Mr Chairman, Sir, nothing is right that is done by the Alliance Government in the view of these *kepala lembu* Members. In fact, we have asked for more funds to build quarters for these employees, but again this is not a productive investment, and it is for that reason that we can only get the amount that is already stated in these estimates. However, the point that I stressed earlier on, Mr Chairman, Sir, is that this is really an indication, a clear proof, that the allegation by the Opposition that we could not care less about the welfare of the labourers in this country is really nonsensical. Not only under this Head, but also under the Forestry Head, we are also building quarters for our junior staff.

As regard his observation on Head 131, Forestry, there seems to be a contradiction in his view there. He says that we should give forest concessions to people so that we can get more money, but at the same time he has said that we must be very careful in giving forest concessions—i.e. trees must not be cut down or felled indiscriminately, because if we do that all sorts of problems will crop up. Well, I agree with him that we should export more timber and so on but then, as has always been stated by us on this side of the House, we are looking into the matter to solve this problem from a long objective point of view rather than, as I said several days ago, a big jump. We are preparing for a long march, not a big jump that the Honourable Member for Batu would like us to do. I agree that we must take care of this question of reafforestation, in fact this has been going on and this has been done by the Forest Department.

Now, I come to the question of finished products. This is quite a difficult problem. The question of capital is involved and the question of market

must also be considered. Mr Chairman, Sir, I have received many requests from timber exporters; they prefer to export timber in log form rather than as sawn timber and these applications are still receiving our attention. We have not received, in fact, any application to restrain the Government from issuing permits to enable timber exporters to export sawn timber. On the contrary, they say, "We want to export logs rather than sawn timber." In other words, it would appear that overseas markets (Japan and so-forth) especially in respect of timber, such as red *meranti*, they prefer to buy logs rather than finished products for obvious reasons. This question is receiving the attention by the Government and, as I said a few days ago, we are formulating an interim national policy which, we hope, will be submitted to the National Land Council next year.

The Honourable Member also wants to know why this Ministry is going to perform only 9 per cent of the target under the First Malaysia Plan in 1966. He alleges that we have no programme whatsoever. This is his conclusion I need only quote him in one example, but unfortunately he is not here. However, for the benefit of all Honourable Members as to how Government Departments and all the Ministries are working, I would like to take as an example the *Jabatan Orang Asli* under Head 130. All the detailed projects for 1966 are tabled here (*Indicates a chart*). There are so many pages in respect of project 1, project 2, project 3, right up to project 7; nine pages have been submitted to the Ministry before even they embark on carrying out the work.

This is the chart showing the various stages of the development projects which the *Jabatan Orang Asli* will be carrying out. In January, they will, for example, start the detailed survey works. In February, they will start carrying out part of the projects—for instance, planting or buying machinery or other equipment, and so on. By December, the elimination of black spots in certain areas is expected to be completed. Sir, all are carefully tabulated, all are carefully stated—the various steps of how the various officials are going to carry out the projects. Therefore, the allegation by the Honourable Member that we have no proper plan, we have no system, we have no method, is really nonsensical. I think, it is better for him not to mention this matter in future in this House. Thank you, Mr Chairman, Sir.

Question put, and agreed to.

The sums of \$6,727,956 and \$6,300,000 under columns (7) and (8) respectively for Head 126 agreed to stand part of the Development Estimates, 1966.

Mr Chairman: The time is up!

House resumed.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Mr Deputy Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee on the Development Estimates for the year 1966 has progressed up to Head 131.

Adjourned at 1.02 p.m.